

Headline	KERDAS PELAWAS KENCING		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	12 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	1,270,667
Page No	7	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	152 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,988
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,964



KERDAS PELAWAS KENCING

Pokok kerdas tumbuh di hutan dan berasal dari Malaysia, Thailand dan Sumatera. Nama lain bagi pokok kerdas ialah genuak atau geduak.

Pokoknya kecil dengan ketinggian sehingga 15 meter dan rupanya seakan-akan pokok jering. Batangnya kelabu keperang-perangan, mempunyai banyak dahan dan bentuk silara yang terbuka.

Daun kerdas jenis bipinat, terdiri daripada dua tangkai sisi yang berhadapan dan satu hingga dua pasang anak daun.

Buah kerdas dari jenis lenggai atau pod, lurus atau bengkok sedikit, berwarna hijau ketika muda dan hijau keperangan setelah matang.

Kulit kerdas keras dan liat serta berbentuk



memanjang dan isi di dalamnya berulas-ulas. Mempunyai dua hingga 10 ulas isi yang agak kecil dan berbentuk persegi serta berkulit nipis seperti kulit isi jering.

Walaupun mempunyai bau yang kuat, buahnya sedap dibuat ulaman seperti jering dan petai. Ia dipercayai dapat membersihkan buah pinggang, melawaskan kencing dan mengelak penyakit kencing manis.

Buah kerdas juga dipercayai tidak boleh makan terlalu banyak kerana boleh menyebabkan kesakitan semasa membuang air kecil. - **Sumber Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)**